

05 FEB 2004

Abdullah-LTdL/I

ABDULLAH: LTDL PEMANGKIN PEMBANGUNAN BERBASIKAL/PELANCONGAN

PULAU PINANG, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap kejohanan Le Tour de Langkawi (LTdL) akan terus memainkan peranannya bukan sahaja sebagai pemangkin bagi mempromosikan acara basikal di Malaysia dan Asia, malah untuk menarik lebih ramai pelawat berkunjung ke negara ini.

"Sejak beberapa tahun lepas, acara sukan merupakan satu cara aktif mempromosikan pelancongan," katanya dalam perutusan pada progam cenderamata LTdL di sini hari ini.

Abdullah berkata acara seperti LTdL, telah membantu mempromosikan imej positif Malaysia sebagai destinasi menarik untuk para pelawat yang berpotensi.

Perdana Menteri berkata masyarakat dunia boleh mendapat gambaran tepat mengenai apa yang terdapat di Malaysia menerusi laporan harian, siaran tertunda menerusi televisyen.

Abdullah juga berkata status LTdL telah ditingkatkan sebanyak tiga kali dalam masa lapan tahun oleh Union Cycliste Internationale yang membuktikan bahawa jelajah itu semakin mendapat perhatian dan berada pada landasan yang betul.

"Kerajaan memperkui pentingnya LTdL kepada negara dan saya mengharapkan ia terus berkembang dan berjaya pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Sebagai perlumbaan yang mempunyai ranking tertinggi di Asia, Abdullah berkata jelajah itu kini menjadi perlumbaan yang ditunggu-tunggu oleh semua rakyat Asia.

"Bagi pelumba, ia memberikan mereka peluang untuk beraksi bersebelahan pelumba profesional yang telah berjaya. Dengan menganjurkan acara berkelas dunia itu, kita sebenarnya membangunkan atlet berkelas dunia," kata Abdullah.

Sementara itu, penganjur LTdL, First Cartel (M) Sdn Bhd, turut

menghargai sumbangan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di atas sokongannya bagi menjayakan perlumbaan basikal berkelas dunia itu.

"Bermula dengan status 2.5, LTdL kini menjadi perlumbaan basikal berkelas dunia, dan kini memperoleh status 2.2 dalam masa lapan tahun,"

katanya dalam sepucuk surat kepada Bernama di sini hari ini.

Surat itu menyebut: "Pemimpin yang membawa jelajah itu ketahap sekarang tidak lain tidak bukan daripada bekas Perdana Menteri sendiri, Tun Dr Mahathir Mohamad."

Minat dan kesungguhan Dr Mahathir dalam jelajah ini meningkat setiap tahun dan beliau juga yakin bahawa jelajah ini berjaya mempromosikan imej positif Malaysia, katanya.

Menurutnya Dr Mahathir pernah berkata bahawa perlumbaan itu merupakan satu cara dunia melihat Malaysia, memandangkan ia bergerak dari satu tempat ke tempat lain sepanjang perlumbaan, dan beliau juga yakin bahawa perlumbaan itu suatu hari kelak akan menyamai Tour de France daripada segi penganjuran dan pertandingan.

"Sukan berbasikal, perlumbaan berperingkat-peringkat khususnya, ketinggalan sebelum ini dan dengan wawasan Dr Mahathir, sukan terbabit kini berkembang berdasarkan kejayaan penganjuran LtdL ," kata First Cartel.

-- BERNAMA  
FA HK LAT